

Permit kutipan siput retak seribu boleh dikeluar jika tiada bantahan

UT 10/2/2023

MP: 31

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Jabatan Perikanan negeri boleh mengesyorkan pengeluaran lesen atau permit untuk menangkap siput retak seribu dengan syarat ia tidak mendapat bantahan mana-mana pihak.

Berdasarkan laporan kajian yang dilaksanakan sebelum ini, Jabatan Perikanan negeri se-memangnya bersetuju untuk mengeluarkan lesen atau permit siput retak seribu secara terkawal agar sumber itu dapat dimanfaatkan dan dinikmati oleh nelayan setempat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, sesi libat urus di antara jabatan dan komuniti nelayan turut dijalankan sebelum ini namun masih terdapat bantahan daripada beberapa pihak yang menyebabkan

usaha ke arah pengeluaran lesen atau permit siput retak seribu itu tidak dapat dilaksanakan.

"Hasil keputusan mesyuarat berhubung pengeluaran permit atau lesen siput retak seribu yang dijalankan bersama Persatuan Nelayan Negeri Perlis (Pelaris) pada 24 Februari lalu dan mesyuarat bersama Lembaga Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Perlis pada 27 Februari lalu, mereka tidak bersetuju permit dikeluarkan supaya tidak menjejaskan ekosistem marin di perairan Perlis," katanya.

Kelmanin *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil daripada kegiatan menangguk siput retak seribu oleh nelayan negeri ini di perairan Kuala Perlis di sini mampu mencecah sehingga 40 sehingga 50 tan metrik dengan nilai mencecah RM75,000 sehari atau RM2.25 juta dalam tempoh sebulan.


Jika setahun, nilai hasil tangkapan berkenaan dikatakan

boleh mencecah sehingga RM27 juta di sebalik aktiviti penangkapan siput tersebut diharamkan oleh Jabatan Perikanan.

Justeru, kira-kira 200 nelayan di negeri ini meminta agar Jabatan Perikanan 'menghalalkan' aktiviti tersebut atau sekurang-kurangnya mengeluarkan permit kepada mereka bagi melakukan kegiatan berkenaan disebalik hasil laut seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya yang semakin merosot.

Razali berkata, merandangkan taburan populasi siput retak seribu yang banyak di perairan negeri Perlis tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh nelayan setempat, maka faktor itu menyebabkan berlakunya pencerobohan oleh nelayan luar.

"Pencerobohan ini adalah daripada nelayan Kedah dan Thailand berikutnya terdapat permintaan yang tinggi terhadap siput retak seribu ini," katanya.



SEORANG penduduk melakukan kerja-kerja mengasingkan siput retak seribu yang ditangguk oleh nelayan di Kuala Perlis, baru-baru ini.

- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB